

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 1/2013**

**PENETAPAN KAEDAH BAGI MENENTUKAN NILAI PASARAN MINERAL DI  
BAWAH PERATURAN 61 (1),  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL 2003**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan pada persidangan kali ke 14/2013 pada 24 Julai 2013 telah meluluskan cadangan menetapkan kaedah penetapan nilai pasaran mineral di bawah Peraturan 61(1) Peraturan-Peraturan Mineral 2003 melalui kertas bilangan 14/2013/D 4 (129).

2. Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan bahawa bagi penilaian nilai pasaran mineral hendaklah berdasarkan atas rujukan kepada harga bulanan bagi mineral yang ditentukan oleh Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains seperti yang telah diperuntukkan dalam Peraturan 61(1)(b), Peraturan-Peraturan Mineral 2003.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan selaras dengan itu Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian Pekeliling ini.



**(DATO' HJ. WAN MUSTAPHA BIN WAN AB. HAMID)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN.**

**FAIL : PTG.KN.16/4/18(2)  
BERTARIKH : 28 RAMADHAN 1434H  
6 OGOS 2013**